



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Beri BR1M cara manual memudahkan rakyat

Utusan Malaysia - Beri BR1M cara manual memudahkan rakyat

🕒 Isnin, Mac 06 2017



SHAHIDAN KASSIM beramah mesra dengan sebahagian daripada penduduk yang menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia di Kangar, Perlis, semalam.

Beri BR1M cara manual mudahkan rakyat

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

pengarang@utusan.com.my

■ KANGAR 5 MAC

PEMBERIAN Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) secara manual bertujuan untuk memudahkan rakyat menerima pemberian itu tanpa perlu berse- sak-sesak di bank.

Justeru, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim menafikan kaedah pembayaran secara manual itu adalah pentas untuk rakyat mendengar ceramah politik.

"Pemberian (BR1M) secara manual adalah satu perjumpaan antara rakyat bersama pemimpin. Rakyat boleh bertemu dan menyatakan masalah mereka kepada pemimpin.

"Seharusnya juga pemimpin, wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan hadir kerana ia



Pemberian (BR1M) secara manual adalah satu perjumpaan antara rakyat bersama pemimpin."

SHAHIDAN KASSIM
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri.

melibatkan rakyat pelbagai peringkat," katanya yang meluangkan masa meninjau pemberian BR1M di Dewan Warisan di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas rungutan orang ramai khususnya dalam laman-laman sosial berhubung pemberian BR1M secara manual yang dikatakan telah menyusahkan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah

dan uzur.

Dalam pada itu, seramai lebih 9,000 orang penduduk di kawasan Bintong hadir menerima BR1M yang dibahagikan kepada tiga sesi iaitu di sebelah pagi dan petang ini serta esok.

Shahidan seterusnya berkata, berdasarkan maklum balas diterima hasil tinjauannya itu, rakyat berpuas hati dengan cara pemberian tersebut walaupun wujud dakwaan tertentu dalam laman sosial.

"Kalau datang ke sini (dewan), penerima boleh terus menukar baucar dengan wang. Mereka juga diberi makan serta minuman," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Arau berkata, bagi penduduk di kawasan Parlimen itu yang akan menerima BR1M pada 11, 12 dan 13 Mac ini, mereka akan mendapat sumbangan tambahan, begitu juga kanak-kanak.

**Pekeliling
Perbendaharaan**



Undian

[BISNES](#)[AGENSI](#)[WARGA](#)

Perkhidmatan MOF

[Perkhidmatan Atas Talian](#)[Aplikasi Mudah Alih](#)[Laman Mikro](#)[e-Penyertaan & Maklumbalas](#)[Statistik & Prestasi](#)[Pautan](#)[Agensi](#)

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

 03-8000 8000

 03-88823893 / 03-88823894

 [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **23 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**